

0025

B B577 DEB
MAHATHIR - PREM R R R

KUANTAN, 18 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN NEGERI THAI MENYEDARI PERLUNYA DIJALANKAN USAHA BERSAMA KE ARAH MENGURANGKAN KEGIATAN BOT-BOT NELAYAN THAI MENCABULI PERAIRAN MALAYSIA.

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA SATU KEMENTERIAN LUAR DATUK RAZALI ISMAIL BERKATA PERSEFAHAMAN ITU DICAPAI ANTARA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN RAKAN SEJAWATANNYA JEN, TUN PREM TINSULANONDA SEMASA PERTEMUAN MEREKA DI SINI HARI INI.

+KEDUA-DUA PERDANA MENTERI MEMBUAT KOMITMEN POLITIK UNTUK MENGURANGKAN MASALAH ITU,+ KATANYA DI SATU SIDANG AKHBAR DI AKHIR MESYUARAT ITU.

DATUK RAZALI BERKATA KEDUA-DUA DATUK DR SERI MAHATHIR DAN JEN TUN PREM SEPENDAPAT BAHAWA PERKARA ITU HARUS DISELESAIKAN BERSAMA BAGI MENGELAKKANNYA DARIPADA +MENJEJAS+ HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

BELIAU BERKATA OPERASI BERSAMA MENANGKAP IKAN LAUT DALAM ANTARA SEKTOR SWASTA KEDUA-DUA NEGARA YANG AKAN DILANCARKAN DI SINI ESOK ADALAH CONTOH BAIK BAGAIMANA MASALAH ITU DAPAT DIKURANGKAN. - LAGI.
2029MST 18 09 87

B B578 DEB
MAHATHIR - PREM 2 Kuantan R R R
(I)

EMPAT PULOH BUAH BOT MENANGKAP IKAN LAUT DALAM YANG TERLIBAT DALAM OPERASI USAHA SAMA ITU BERPANGKALAN DI SINI AKAN DILANCARKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR DAN JEN TUN PREM DI DERMAGA FERI PELABUHAN Kuantan, DEKAT SINI.

DATUK RAZALI BERKATA KEDUA-DUA KERAJAAN MEMBERI JAMINAN YANG MEREKA AKAN MELAKUKAN SEGALA YANG DAPAT BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN PROGRAM ITU YANG BERTERUSAN.

BELIAU BERKATA PADA MESYUARAT ITU DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH JUGA MEMBERI JAMINAN KEPADA JEN TUN PREM BAHAWA MALAYSIA AKAN MENGHORMATI HAK BOT NELAYAN THAI MENDAPATKAN LALUAN BEBAS MASUK KE ZON EKONOMI EKSklusif MALAYSIA.

JEN TUN PREM BAGAIMANAPUN MEMAHAMI PERLUNYA BOT-BOT THAI MENGHORMATI DAN MEMATUHI UNDANG-UNDANG MARITIM MALAYSIA, KATA DATUK RAZALI.

MENGENAI PERGERAKAN ORANG-ORANG DAN BARANG-BARANG DI SEPANJANG SEMPADAN NEGERI THAI-MALAYSIA, BELIAU BERKATA JEN TUN PREM MEMAHAMI PERLUNYA PIHAK BERKUASA MALAYSIA MEMASANG PAGAR KESELAMATAN DI SEMPADAN BERSAMA. - LAGI.
2040MST 18 09 87

B 8582 DEB
MAHATHIR - PREM 3 KUANTAN R R R
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGALAKKAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI NEGERI THAI ITU SUPAYA MENINGKATKAN SEGALA ASPEK KERJASAMA EKONOMI ANTARA WILAYAH-WILAYAH SELATAN THAI DENGAN NEGERI-NEGERI DI UTARA SEMENANJUNG, KATA DATUK RAZALI.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN INI DAPAT DILIHAT DALAM KONTEKS PEMBUKAAN KEDAI-KEDAI BEBAS CUKAI OLEH MALAYSIA DI KAWASAN-KAWASAN TERTENTU DI SEMPADAN, KATANYA.

MENGENAI MASALAH YANG DITIMBULKAN DI SEMPADAN OLEH PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) YANG DIHARAMKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MELAHIRKAN PENGHARGAAN MALAYSIA KEPADA PIHAK BERKUASA THAI ATAS KEJAYAAN MEREKA MENGURANGKAN BILANGAN ANGGOTA PENGGANAS KOMUNIS ITU MELALUI PROGRAM PENGAMPUNAN KHAS.

PROGRAM BERKENAAN TELAH BANYAK MENGURANGKAN ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS DI SEPANJANG SEMPADAN ITU.

PADA MESYUARAT ITU, JEN TUN PREM MENERANGKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR PESPEKTIF THAI BAHAWA SEBARANG USAHA PENYELESAIAN KEPADA MASALAH KAMPUCHEA PERLU MENENTUKAN PENYERTAAN VIETNAM, KATA DATUK RAZALI. -- LAGI

2056MST 18 09 87

B 8585 DEB
MAHATHIR - PREM 4 KUANTAN
(I)

KATANYA, JEN TUN PREM JUGA MEMBERITAHU DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA NEGERI THAI AKAN MEMUJUK KUASA-KUASA LUAR MEMBANTU USAHA MENDAPATKAN PENYELESAIAN POLITIK KEPADA MASALAH KAMPUCHEA.

PERDANA MENTERI PULA MEMBERI JAMINAN KEPADA JEN TUN PREM BAHAWA MALAYSIA +MEMPUNYAI PANDANGAN YANG HAMPIR SAMA DENGAN NEGERI THAI+ DALAM MENDAPATKAN USAHA MENYELESAIKAN MASALAH ITU, KATA DATUK RAZALI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYATAKAN PENGHARGAAN MALAYSIA KEPADA NEGERI THAI ATAS SUMBANGAN KEWANGAN YANG DIBERIKANNYA BAGI MENUBUHKAN SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN, KATANYA.

KEDUA-DUA PERDANA MENTERI JUGA SEPENDAPAT TENTANG KEMUNGKINAN MENGADAKAN PENGELUARAN BERSAMA BAGI KOMPONEN-KOMPONEN KENDERAAN. BAGAIMANAPUN MEREKA TIDAK MEMBINCANGKAN PERKARA KHUSUS MENGENAI USAHA SEUMPAMA ITU, KATA DATUK RAZALI,

HASIL RUNDINGAN MEREKA KEMUDIAN DIBAWA KE MESYUARAT DELEGASI DARI KEDUA-DUA NEGARA UNTUK PERBINCANGAN.

ANGGOTA DELEGASI MALAYSIA TERMASUK MENTERI LUAR DATUK ABU HASSAN OMAR, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID DAN MENTERI PERTAHANAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN MANAKALA DELEGASI THAI TERMASUK MENTERI LUAR TAN SRI SIDDHI SAVETSILA, MENTERI PERTAHANAN PANIERG KANTARAT DAN MENTERI DI PEJABAT PERDANA MENTERI (PELANCONGAN), DR ARUN PANUPONG. -- BERNAMA

2117MST 18 09 87